

21 JAN 2001

Mahathir-Pelantikan

TIADA MESEJ DALAM PELANTIKAN BARU, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan anggota baru Kabinet baru-baru ini tidak mempunyai mesej tertentu kerana beliau mempunyai pertimbangannya sendiri apabila melantik seseorang dalam kabinet.

"Tak ada mesej apa... you (media) buatlah mesej sendiri. Kita ada pertimbangan tertentu sebelum kita lantik seseorang, sebab itu saya kadang-kadang lantik orang yang dipilih sebagai wakil rakyat dan kadang-kadang kita terpaksa pilih orang yang belum jadi wakil rakyat dan kita beri tempat dalam Senat (Dewan Negara)

"Mungkin satu hari mereka juga perlu bertanding. Ini bukan perkara baru, dulu pun ada juga kita buat macam itu," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di sini sekembalinya daripada lawatan empat hari ke Osaka, Jepun.

Dr Mahathir ditanya mengenai tiga senator daripada lima orang yang dilantiknya sebagai menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen pada minggu lepas.

Dua menteri baru ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang mengetuai Kementerian Hal Ehwal Wanita dan Brig Jen Abdul Hamid Zainal Abidin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri minggu lepas.

Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor pula dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk M.Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Abdul Hamid akan dilantik sebagai Senator sebelum mengangkat sumpah sebagai menteri.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada pelantikan itu akan melemahkan semangat mereka yang dipilih sebagai Anggota Parlimen tetapi tidak dilantik dalam Kabinet dan adakah ini bermakna anggota Parlimen yang sedia ada tidak begitu baik untuk dilantik.

"Orang politik tidak perlu demoralise (lemah semangat)... barang kali press put the idea, sekarang ini buat demoraliselah, setelah you (akhbar) tanya," katanya.

Dr Mahathir, yang turut ditanya sama ada akan berlaku satu lagi penyusunan Kabinet, bagaimanapun secara berseloroh berkata media tidak akan gembira jika tak buat berita itu.

"Lagi kita tak buang orang... tak kacau semua itu, press tak ada seronok, tak ada news. Apa yang mereka mahu ialah supaya saya pecat seluruh Kabinet, lepas itu pergi cari orang lain buat Kabinet," katanya.

Bagaimanapun, dalam nada serius Dr Mahathir berkata pelantikan atau penyusunan Kabinet bukanlah suatu "permainan".

"Ini bukannya satu permainan. Kalau tukar orang baru, tak semestinya orang baru itu lebih baik dari orang yang lama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sesuatu perubahan yang dibuat, seperti dalam Kabinet, bukan semata-mata kerana ingin membuat perubahan tetapi dengan tujuan tertentu.

"... kita tak buat perubahan hanya kerana mahu buat perubahan. Kita ada matlamat tertentu, sebab itu kita membuat pindaan pada Kabinet.

"Mungkin di negeri-negeri lain dia tukar... silap sikit, dia tukar tapi dah lepas tukar pun pun macam itu juga.

"Tidak ada apa-apa yang baru berlaku. Hanya kerana kita tukar kepimpinan, tidak semestinya kita dapat pemimpin yang lebih baik," kata

beliau.

Menjawab pertanyaan bahawa hampir semua yang dilantik baru-baru ini tidak muda dengan kebanyakannya berumur dalam lingkungan 40an, Dr Mahathir berkata mereka yang lebih muda akan diberi peluang apabila masanya tiba.

"Kita bagi... bila tiba masanya," kata beliau.

-- BERNAMA

RV RV NAK